

13 JULAI 2018

Boleh lalok cara hutang

Boleh lalok cara hutang

Rembau: Sindiket pengedaran dadah di negeri ini di kesan menjalankan kegiatan menjual dadah secara hutang menyebabkan penagih mudah mendapatkan bahan larangan berkenaan.

Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan, Nazira Sadiron berkata, disebabkan itu aktiviti penagihan dadah masih berleluasa.

Katanya, risikan mendapati sindiket menjalankan modus operandi itu sejak dua bulan lalu dengan menawarkan penagih muda membeli dadah secara hutang.

“Angkara tawaran ini, ramai anak muda terjebak. Modus operandi bertujuan memastikan aktiviti penjualan (dadah) tidak terputus,” katanya pada Program Perhimpunan Orang Kena Pengawasan (OKP) dan Rumah Terbuka Aidilfitri AADK Rembau di Dewan Seri Rembau di sini, semalam.

Program dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Bertindak



NAZIRA berucap pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri AADK Rembau di Dewan Seri Rembau.

Pembangunan Belia dan Sukan negeri, Mohamad Taufek Abd Ghani serta 250 klien dan keluarga.

Menurut Nazira, penjualan dadah secara hutang dikenal pasti bermula di daerah itu dan menular di seluruh negeri.

“Semua maklumat diperoleh hasil temu bual bersama OKP yang berkongsi pengalaman mereka.

“AADK bimbang penagih akan melakukan jenayah lain seperti rompakan dan samun

semata-mata mahu membayar hutang dadah,” katanya.

Katanya, modus operandi beli dadah secara murah itu menawarkan beberapa skim bagi memastikan penagih dapat melepaskan gian.

“Antara dilakukan sindiket adalah mengenakan bayaran serendah RM5 kepada penagih bagi mendapatkan syabu. Lama-kelamaan anak muda mula ketagih dan akhirnya berhutang untuk membeli dadah,” katanya.